

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA  
(TASEK GELUGOR)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 27.10.2014**

**Y.B. DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA [ TASEK GELUGOR ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bentuk tindakan dan penguatkuasaan bagi membanteras penyeludupan barangan bercukai dan juga barangan haram seperti senjata dan bahan letupan serta mercun.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pelbagai strategi telah disusun dalam usaha Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) membanteras kegiatan

penyeludupan barangan bercukai dan juga barangan haram seperti senjata dan bahan letupan serta mercun. Antaranya adalah melalui tindakan pemantauan, penguatkuasaan, kerjasama dengan agensi lain serta kempen mencegah penyeludupan.

Aktiviti pemantauan rapi dilakukan melalui mesin pengimbas di pintu-pintu masuk utama bagi mengekang kemasukan barangan seludup dan tidak sah. Selain itu, pemantauan juga dilakukan terhadap penyalahgunaan kemudahan Pulau Bebas Cukai dan Kompleks Bebas Cukai. Ini termasuk kawalan ke atas pergerakan Borang Kastam 8 terutamanya yang melibatkan barangan kritikal seperti rokok dan minuman keras.

Penguatkuasaan harian turut dijalankan termasuklah rondaan darat dan laut, pemeriksaan rapi kenderaan, premis serta outlet terutamanya yang disyaki menyimpan barangan belum lulus kastam. Selain itu, operasi-operasi penguatkuasaan bersepadu, operasi di kawasan-kawasan 'hotspot' dan penglibatan aktif dalam Jawatankuasa Bertindak Setempat (*Local Committee*) turut dijalankan. Adakalanya, operasi-operasi ini turut disertai oleh pelbagai agensi lain seperti Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Agensi

Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Jabatan Laut, Jabatan Perikanan, Jabatan Imigresen, Jabatan Alam Sekitar, Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dan lain-lain.

JKDM juga menjalinkan kerjasama dalam berkongsi maklumat dengan agensi-agensi serta Pertubuhan-pertubuhan Bukan kerajaan (NGO) dalam usaha membanteras kegiatan penyeludupan. Kerjasama erat dan perkongsian maklumat ini turut dijalankan di peringkat antarabangsa antaranya melalui *World Customs Organization (WCO)*, *European Anti-Fraud Office (OLAF)* dan *Regional Intelligence Liaison Office-Asia Pacific (RILO-AP)*.

Tindakan undang-undang juga diambil terhadap kes-kes yang telah dikenalpasti. Antaranya adalah tindakan mahkamah terhadap kes penyeludupan rokok yang berjaya dikesan oleh JKDM serta tindakan di bawah Akta *Anti-Money Laundering and Anti-Terrorism Financing Act 2001 (AMLATFA)* ke atas sindiket-sindiket melalui tindakan bersama Pasukan Petugas Khas (PPK) dan agensi-agensi lain.

JKDM turut mengadakan kempen-kempen mencegah penyeludupan dan khidmat bakti masyarakat bagi menyalurkan maklumat ke peringkat akar umbi supaya dapat turut terlibat dalam usaha untuk mencegah penyeludupan.